



31 Disember 2018  
31 December 2018  
P.U. (A) 405

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

*FEDERAL GOVERNMENT  
GAZETTE*

PERATURAN-PERATURAN RACUN  
(BAHAN-BAHAN PSIKOTROPIK) (PINDAAN) 2018

*POISONS (PSYCHOTROPIC SUBSTANCES)  
(AMENDMENT) REGULATIONS 2018*

DISIARKAN OLEH/  
PUBLISHED BY  
JABATAN PEGUAM NEGARA/  
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA RACUN 1952

PERATURAN-PERATURAN RACUN (BAHAN-BAHAN PSIKOTROPIK) (PINDAAN) 2018

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 35 Akta Racun 1952 [*Akta 366*], Menteri membuat peraturan-peraturan yang berikut:

**Nama**

1. (1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Racun (Bahan-Bahan Psikotropik) (Pindaan) 2018**.

(2) Peraturan-Peraturan ini mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2019.

**Pindaan peraturan 7**

2. Peraturan-Peraturan Racun (Bahan-Bahan Psikotropik) 1989 [*P.U. (A) 66/1989*], yang disebut “Peraturan-Peraturan ibu” dalam Peraturan-Peraturan ini, dipinda dengan menggantikan peraturan 7 dengan peraturan yang berikut:

**“Fi bagi kebenaran import atau eksport**

7. (1) Setiap permohonan bagi kebenaran import atau eksport hendaklah disertakan dengan fi sebanyak dua ratus ringgit.

(2) Fi yang telah dibayar di bawah subperaturan (1) tidak boleh dibayar balik.”.

**Pindaan peraturan 15**

3. Peraturan 15 Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan menggantikan subperaturan (4) dengan subperaturan yang berikut:

“(4) Setiap permohonan bagi permit untuk membeli dan menggunakan bahan psikotropik hendaklah disertakan dengan fi sebanyak tiga ratus ringgit.

(4A) Fi yang telah dibayar di bawah subperaturan (1) tidak boleh

dibayar balik.”.

**Pindaan Jadual Pertama**

4. Jadual Pertama kepada Peraturan-Peraturan ibu dipinda dalam Borang A dalam perenggan 4 dengan memotong perkataan “sekiranya permohonan saya diluluskan”.

Dibuat 20 Disember 2018

[KKM.R.600-1/3/353; PN(PU2)172/XVI]

DATUK SERI DR. DZULKEFLY BIN AHMAD  
*Menteri Kesihatan*

*[Akan dibentangkan di Dewan Rakyat menurut subseksyen 35(3) Akta Racun 1952]*

POISONS ACT 1952

POISONS (PSYCHOTROPIC SUBSTANCES) (AMENDMENT) REGULATIONS 2018

IN exercise of the powers conferred by section 35 of the Poisons Act 1952 [*Act 366*], the Minister makes the following regulations:

**Citation**

1. (1) These regulations may be cited as the **Poisons (Psychotropic Substances) (Amendment) Regulations 2018**.

(2) These Regulations come into operation on 1 January 2019.

**Amendment of regulation 7**

2. The Poisons (Psychotropic Substances) Regulations 1989 [*P.U. (A) 66/1989*], which are referred to as the “principal Regulations” in these Regulations, are amended by substituting for regulation 7 the following regulation:

**“Fee for import or export authorisation**

7. (1) Every application for an import or export authorisation shall be accompanied by a fee of two hundred ringgit.

(2) The fee which has been paid under subregulation (1) shall not be refundable.”.

**Amendment of regulation 15**

3. Regulation 15 of the principal Regulations is amended by substituting for subregulation (4) the following subregulations:

“(4) Every application for a permit to purchase and use psychotropic substance shall be accompanied by a fee of three hundred ringgit.

(4A) The fee which has been paid under subregulation (4) shall not be refundable.”.

**Amendment of First Schedule**

4. The First Schedule to the principal Regulations is amended in Form A in paragraph 4 by deleting the words “in the event that my application is approved”.

Made 20 December 2018  
[KKM.R.600-1/3/353; PN(PU2)172/XVI]

DATUK SERI DR. DZULKEFLY BIN AHMAD  
*Minister of Health*

*[To be laid before the Dewan Rakyat pursuant to subsection 35(3) of the Poisons Act 1952]*